


Patrick Moyong gigih dalam perjuangan seni



CATATAN
KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN
MOHD ARUS

PATRICK Moyong seorang pelukis berasal dari Keningau dan telah menetap di Kota Kinabalu sejak sekian lama. Beliau merupakan salah seorang pelukis Sabah yang berbangsa kacukan Murut.

Patrick kini hampir separuh abad mengabdikan dirinya dengan dunia seni visual tempatan. Mendapat pendidikan sehingga ke peringkat sekolah menengah menengah kebangsaan, namun masalah kewangan membuatkan beliau tidak dapat melanjutkan lagi pendidikan selepas menamatkan Sijil Rendah Penilaian.

Walaupun begitu selepas berhenti dari melanjutkan pelajaran, Patrick meneruskan minatnya di dalam arena seni lukis, berjinak jinak dengan lukisan arang dan lakaran di sekitar kampung. Lama kelamaan dengan bantuan kawan-kawan beliau seterusnya meneroka lebih dalam kepelbagaiannya genre disiplin seni visual yang lain.

Patrick berminat dan mula berkecimpung dalam dunia lukisan semenjak di bangku sekolah lagi. Misalnya

sewaktu beliau masih berada di sekolah rendah Patrick banyak menghasilkan lukisan-lukisan dalam bentuk kartun, lukisan tersebut dihasilkannya semata-mata untuk kepuasan sendiri.

Minat beliau dalam lukisan diteruskan sewaktu berada di sekolah menengah yang mana beliau tidak lagi melukis kartun semata-mata seperti mana yang dilakukannya sewaktu berada di sekolah rendah, malahan beliau mula tertarik untuk melukis lukisan yang bertemakan pemandangan, haiwan, dan serba sedikit lukisan berbentuk figuratif serta landskap.

Pergaulan beliau dengan teman pelukis tempatan seperti Allahyarham Pok, Diaman Bona dan sebagainya menjadi pendorong kepada beliau untuk terus bergiat aktif kerana selain minat dan kebolehannya dalam lukisan, beliau juga dapat menjadikan lukisan-lukisan yang dihasilkannya sebagai sumber pendapatan pada ketika itu.

Beberapa tahun kemudian beliau terpaksa berhenti daripada berkarya kerana masalah kesihatan yang ditanggung.

Pada tahun 2011 beliau kembali untuk berkarya dengan menyertai sebuah kumpulan yang dinamakan Kinabalu Art. Ahli kumpulan ini terdiri daripada Daiman Bonan, Mastini, Halim Batak, Anne dan ahli persatuan yang lain.

Penglibatan beliau dalam kumpulan ini sedikit sebanyak menyuntik satu semangat baru dalam dunia seni. Kumpulan Kinabalu Art ini begitu aktif dan sering mengadakan pameran serta jualan karya pada setiap hujung minggu bertempat di Gaya Street

dan kadangkala mereka juga mengadakan pameran di hotel lumayan di Kota Kinabalu.

Pendek kata kemunculan Kinabalu Art menyemarakkan lagi senario seni lukis tempatan. Tumpuan utama pameran dan jualan karya ini adalah kepada pelancong dalam dan luar negara.

Bukan itu sahaja malah Patrick turut menyewa satu premis di Laman Seni yang terletak bersebelahan bangunan Lembaga Kebudayaan Sabah di Asia City. Sebagai pelukis jalanan yang gigih beliau banyak memenangi pertandingan tempatan dan

Antara *subject matter* yang tidak lari dari karyanya ialah subjek seperti ikan sedang berenang, rumput laut, dan beliau turut memfokuskan kesan pencahaayaan dasar laut yang sangat terperinci sehingga mampu menimbulkan emosi atau perasaan seolah-olah sesiapa yang melihat karyanya berada di dasar laut.

Apabila ditanya kenapa beliau memilih pemandangan di dasar laut sebagai *subject matter* setiap karyanya, beliau menjelaskan bahawa pemandangan di dasar laut sangat menarik kerana




ANTARA karya lukisan dihasilkan Patrick.

Baru-baru ini beliau memenangi hadiah kedua dalam *Battle of Doodle* anjuran Conteng Bah di Riveron Mall Sabah. Kejayaan demi kejayaan memberikan kekuatan berjuang bagi mencapai cita-citanya untuk menjadi pelukis terkenal.

Dari segi tema dan konsep yang diterapkan oleh beliau dalam setiap karyanya menunjukkan alam hidupan dasar laut yang mana hampir keseluruhan karya yang dihasilkannya menumpukan pemandangan dasar laut.

warna air membuatkan setiap hidupan yang berada di dasar laut itu kelihatan sering berubah-ubah.

Bercerita tentang bahan dan media yang digunakan dalam penghasilan karya, dapat dilihat bahawa keseluruhan karyanya dihasilkan menggunakan media campuran. Walaubagaimanapun karya beliau lebih kepada media biasa yang mana beliau banyak menggunakan bahan seperti akrilik, poster



PATRICK (tengah)
sewaktu di galeri.

karyanya tidak terlalu mengetengahkan tentang pernyataan yang bersifat kritikan sosial (komentar sosial) tetapi sekadar memperlihatkan keindahan hidupan dasar laut melalui karyanya seterusnya mampu menarik pembeli khususnya pelancong asing yang datang di negeri Sabah.

Walaubagaimanapun terdapat juga karyanya yang bersifat kritikan sosial yang mana karyanya yang bertajuk '*Underwater*' yang mengkritik masyarakat yang mencemarakan air. Dan karya tersebut kini berada di Jepun dan dipamerkan di salah sebuah galeri seni terkemuka di sana.

Berdasarkan temubual bersama beliau penulis dapat menyelami dan mengetahui perjalanan atau proses seseorang seniman seni visual. Berdasarkan perkongsian dan pengalaman sendiri oleh pelukis ini kita tahu bukan senang untuk berdiri seterusnya berjaya dalam bidang ini.

Banyak proses dan cabaran yang harus dilalui tambahan pula perkembangan dan sambutan masyarakat tentang seni lukis di Malaysia tidak seberapa menggalakkan seperti mana negara-negara lain seperti di negara Barat yang mana seni lukis bukan sahaja menerima pengiktirafan yang tinggi oleh pemerintah malahan sambutan masyarakatnya juga amat menggalakkan.

Dengan kewujudan Patrick yang serba kekurangan namun tinggi semangat juang nya. Para pengkarya harus lebih menonjolkan nilai-nilai kebudayaan yang ada di negara ini. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan kehilangan warisan dan kebudayaan seni warisan khususnya di Borneo ini yang sememangnya kaya dengan warisannya.

PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).